

# AL-MASĀLIK WA AL-MAMĀLIK

BEBERAPA BAB PADA MENYATAKAN  
PERIHAL KEPULAUAN MELAYU



ABU UBAID AL-BAKRI

PENTERJEMAH  
ARSYAD MOKHTAR





# AL-MASĀLIK WA AL-MAMĀLIK

BEBERAPA BAB PADA MENYATAKAN  
PERIHAL KEPULAUAN MELAYU

*Buku  
ini dihadiahkan  
khas untuk semua pencinta  
ilmu dan kebenaran. Semoga segala  
mutiara hikmah yang terdapat di dalam  
buku ini dapat dimanfaatkan untuk  
kebahagiaan hidup di  
dunia dan juga  
akhirat.*

— Baytul Hikma & Arsyad Mokhtar



BAYTUL

HIKMĀ



BAYTUL  
HIKMA

*Cetakan Pertama, 2018*

AL-MASĀLIK  
WA AL-MAMĀLIK

BEBERAPA BAB PADA MENYATAKAN  
PERIHAL KEPULAUAN MELAYU

ABU UBAID AL-BAKRI

PENTERJEMAH

ARSYAD MOKHTAR

BAYTUL



BAYTUL HIKMA  
Pulau Pinang

2018

**AL-MASĀLIK WA AL-MAMĀLIK**

© ARSYAD MOKHTAR

Cetakan Pertama, 2018

**Hakcipta Terpelihara**

*Buku digital ini hanya untuk bacaan secara digital sahaja.*

Tidak dibenarkan mengeluarkan  
mana-mana bahagian buku ini dalam apa-apa  
bentuk melalui apa-apa cara sekalipun, melainkan  
setelah mendapat keizinan bertulis secara  
rasmi daripada Baytul Hikma.

*Diterbitkan Oleh*



**BAYTUL HIKMA**

(PG0378209-M)

Pulau Pinang, Malaysia

*www.baytulahikma.my*

*baytulahikmaresources@gmail.com*

*www.facebook.com/BaytulHikmaMalaysia*

+6013-2181421

## KANDUNGAN

Muqaddimah Penterjemah .....	1
<i>AL-MASĀLIK WA AL-MAMĀLIK</i> .....	5
Lautan Hindi .....	7
[Kerajaan Sang Ratu] .....	8
[Kerajaan Maharaja] .....	9
[Pulau Dajjal] .....	10
[Ketam Pelik Di Laut China] .....	11
[Kerajaan Ballahara] .....	11
[Kerajaan Taqa] .....	11
[Kerajaan Dahram] .....	11
[Badak Sumbu] .....	12
[Buang Angin Untuk Sihat] .....	13
[Penyiksaan Diri] .....	13
[Gaharu] .....	14
[Teluk Barbari] .....	15
[Ikan Paus] .....	16
[Buaya Sungai Nil] .....	17
[Pulau-Pulau Di Lautan Hindi] .....	18

[Keunikan Kapal Penduduk Sekitar Lautan Hindi].....	18
[Pulau Sarandib Dan Keunikannya] .....	18
[Raja-Raja Hind Dan Gajah] .....	20
[Laut Merah] .....	21
[Terusan Suez Di Zaman Silam] .....	22
[Teluk Parsi].....	23
[‘Anbar].....	24
[Pulau Dan Gunung Di Teluk Parsi].....	25
[Bandingan Laut Qalzum Dengan Lainnya].....	27
[Mutiara Dan Cara Mendapatkannya] .....	27
[Laut Hijau] .....	28
[Penemu Amerika Sebelum Columbus] .....	29
[Laut Rom] .....	30
[Laut Nitasy] .....	32
[Laut Bab Al-Abwab].....	33
[Perihal Naga] .....	34
[Kawah-Kawah Berapi].....	36
[Lima Lautan] .....	37
[Laut Parsi] .....	38
[Laut Hindi] .....	39
[Laluan Ke Laut Hindi].....	39
[Laut Rom] .....	40



Penyebab Pasang Surut Air .....	40
<i>Berkenaan Al-Bahrul Muhit Dan Pelbagai Keajaibannya Serta Keajaiban Pelbagai Lautan Yang Telah Disebutkan Sebelum Ini Sama Ada Apa Yang Telah Kami Sebutkan Yang Dinukilkan Daripada Kitab 'Ajaib Al-Buldan.....</i>	<i>43</i>
[Singgahsana Iblis] .....	43
[Penjara Jin Dan Haikal Sulaiman] .....	44
[Patung Binaan Abraham Dzul Manar] .....	44
[Laut Hitam Yang Busuk] .....	45
[Istana Hablur] .....	46
[Pulau Waq Waq] .....	47
[Pulau Duyung].....	48
[Ikan Terbang Dan Paus] .....	49
[Ular Gergasi Di Laut Harkand] .....	50
[Laut Sanfa] .....	50
[Pulau Dajjal Dan Pohon Cengkih].....	51

BAYTUL

HIKMA



## MUQADDIMAH PENTERJEMAH

Alhamdulillah, syukur kepada Allah yang telah memberi kesempatan untuk saya menyelesaikan satu lagi terjemahan daripada kitab Arab klasik. Apa yang ada di hadapan para pembaca kini adalah terjemahan sebahagian daripada kitab berjudul *Al-Masalik wal Mamalik* karangan Abu Ubaid Al-Bakri, seorang ilmunan Andalus sekitar kurun ke-5 Hijrah. Dikatakan bahawa kitab ini selesai ditulis kira-kira tahun 460H/1058M.

Bagi mengelakkan kekeliruan, eloklah dijelaskan di sini bahawa terdapat beberapa kitab oleh penulis yang berlainan namun kesemuanya berjudul *Al-Masalik wal Mamalik*, contohnya oleh Ibn Khordazbah<sup>1</sup>, Ibn Hawqal, Al-Istakhri dan lain-lain.

Kitab ini terdiri daripada dua jilid yang tebal, sarat dengan pelbagai maklumat. Di kesempatan ini, saya cuma menterjemahkan bahagian yang berkait dengan Kepulauan Melayu dan Lautan Hindi serta terselit sedikit mengenai laut-laut yang lain. Adapun baki yang masih belum diterjemah itu saya berdoa agar Allah mengurniakan kesempatan yang lain di masa hadapan untuk saya menyelesaikannya. Amin.

Saya ingin berterima kasih kepada saudara Naseer Sobree dan Baytul Hikma yang sudi menerbitkan karya ini. Juga kepada para pembaca yang terus menyokong usaha memperkayakan khazanah keilmuan bangsa kita khususnya. Semoga Allah

---

<sup>1</sup> Telah saya terjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan diterbitkan oleh Geroda Merah Press (2018). –pent.

merahmati dan mengurniakan niat yang murni dalam setiap kata dan perbuatan kita.

Selamat membaca!

Wassalam.

**ARSYAD MOKHTAR**

*Jumaat, 4:20 petang,  
15 Rabiul Awwal 1440 H,  
(23 November 2018M),  
Pendang, Kedah Darul Aman.*

BAYTUL  
HIKMA

كِتَابُ  
الْمَسَائِلِ وَالْمَمَالِكِ

لِلْأَبِي عَبْدِ الْبَكْرِ  
جُزْءَانِ

حَقَّقَهُ وَقَدَّمَ لَهُ

أُدْرِيَانُ فَا ن لِيُونِسُ وَ أُنْدَرِي فِيرِي

المؤسسة الوطنية للترجمة والتأليف والتأليف  
بيت الحكمة

للدار العربية للكتاب

*Muka depan naskhah berbahasa Arab kitab ini.*





*Al-Masālik  
wa Al-Mamālik*

Beberapa Bab Pada Menyatakan  
Perihal Kepulauan Melayu

*Abū 'Ubayd al-Bakrī*

BAYTUL

Penterjemah  
Arsyad Mokhtar

HIKMAH





## LAUTAN HINDI

( 266 )

Ia itulah Laut Habsyi. Ia juga Laut China, Hind, Sind, Zanj, Basrah, Ubullah, Faris (Parsi), seperti yang mereka yakini, juga Oman, Bahrain, Shuhar, Ailah dan Qalzum. Tiada lautan di bahagian bumi yang ditempati manusia yang lebih besar berbanding lautan itu.

Panjangnya daripada Timur ke Barat adalah sejauh lapan ribu (8000) mil, sementara lebarnya sebanyak dua ribu tujuh ratus (2700) mil. Dan lebarnya pada bahagian yang lain pula sebanyak seribu sembilan ratus (1900) mil. Terdapat pelbagai pendapat berbeza tentang ukuran itu, tetapi apa yang telah disebutkan tadi adalah pendapat yang paling sahih.

Lautan ini, sekalipun berupa lautan yang satu, tetapi sebenarnya merupakan enam buah laut yang bergabung satu sama lain. Para kelasi yang mahir dapat mengenal perbezaan antara setiap laut itu kerana setiap satunya memiliki warna, angin, ikan dan udara yang berbeza.

Di antara laut itu adalah Laut Larawi<sup>2</sup> yang di pesisirnya adalah negeri Saimur, Subarah, Tanah, Sandan/Sidan, Kanbayat<sup>3</sup> dan negeri-negeri Hind yang lainnya.

Seterusnya adalah Laut Harkand<sup>4</sup>, kemudian Laut

---

<sup>2</sup> Ar: ( لاروي )

<sup>3</sup> Ar: ( كنباية ), ( سندان / سيدان ), ( تانة ), ( سويازة ), ( صيمور ).

<sup>4</sup> Ar: ( هرکند ).

Kalabar<sup>5</sup>, iaitu Laut Kalah<sup>6</sup> dan Pulau-pulau<sup>7</sup>. Setelah itu Laut Kanduranj<sup>8</sup>, kemudian Laut Sanfa<sup>9</sup> yang kepada negerinya itu dinisbahkan sejenis gaharu. Setelah itu adalah Laut China, iaitu Laut San-gha<sup>10</sup> yang tidak diketahui batasannya selepas itu.

(267)

Di seluruh lautan ini terdapat pulau-pulau yang tidak terkira banyaknya serta umat manusia yang tidak tertulis bilangannya. Kebanyakan makanan mereka adalah kelapa.

### [KERAJAAN SANG RATU]

Di antara Laut Larawi dan Laut Harkand terletak pulau-pulau yang diperintah oleh seorang Ratu yang mana telah kami sebutkan sebelum ini. Matawang mereka itu adalah kulit siput.<sup>11</sup>

Disebutkan bahawa daun-daun kelapa akan dicampakkan ke atas permukaan laut berhampiran pantainya, lalu haiwan siput berkenaan akan bertindan-tindan melekat di daun-daun itu. Setelah itu, daun kelapa berkenaan akan diambil dan dijemur. Terik matahari membakar dan mengeringkan siput-

---

<sup>5</sup> Ar: (كلابر). Kalahbar, yakni pesisir Kedah. –pent.

<sup>6</sup> Ar: (كله). Apabila pengarang membezakan antara Laut Kalabar dan Laut Kalah, ini menunjukkan bahawa Laut Kalah di sini merujuk kepada Selat Melaka. Wallahu a’lam. –pent.

<sup>7</sup> Ar: (الجزائر).

<sup>8</sup> Ar: (كندرنج).

<sup>9</sup> Ar: (الصنف).

<sup>10</sup> Ar: (صنغي).

<sup>11</sup> Dalam kitab yang lain contohnya Rihlatus Sirafi dan lain-lain, ada dinyatakan bahawa penduduk menyebut matawang kulit siput itu sebagai (كبنج), (كسنج). Setelah meneliti beberapa ejaan yang terdapat dalam naskhah kitab-kitab itu, maka di sini saya berpendapat barangkali yang dimaksud adalah “Kupang” yang ditulis dalam bahasa Arab sebagai “Kubanj” (كبنج). Wallahu a’lam. –pent.

siput itu lalu kemudian dikumpul dan disimpan di Perbendaharaan (Baitul Mal).

Ptolemy menyebutkan bahawa pelabuhan Laut Harkand, iaitu pulau-pulau Ratu ini adalah sebanyak seribu sembilan ratus (1900) buah pulau yang makmur berpenghuni, tidak termasuk pulau-pulau yang tenggelam.<sup>12</sup>

Di pulau Ratu ini juga terdapatnya ‘anbar<sup>13</sup> yang bagus. Adakalanya sepotong ‘anbar itu mencapai sebesar sebuah rumah. Nanti akan kami sebutkan bagaimanakah ‘anbar itu serta asal-usulnya iaitu sewaktu menjelaskan tentang Laut Hijau<sup>14</sup> dan isi lautnya, insya Allah.

(268)

### **[KERAJAAN MAHARAJA]**

Di Kepulauan Laut Sanfa adalah terletak kerajaan Maharaja.<sup>15</sup> Keseluruhan kerajaan baginda tidak dapat dijelajahi dalam masa beberapa tahun sekalipun dengan menggunakan kapal yang paling cepat pelayarannya.<sup>16</sup> Dalam kepulauan baginda terdapat aneka jenis wangi-wangian dan rempah-ratus. Dan tiada seorang [penguasa] pun dalam negeri Hind yang memiliki seperti apa yang dimiliki baginda itu.

Pulau yang menjadi tempat bersemayamnya Maharaja sangatlah besar dan makmur dengan penempatan yang bersambung-sambung serta subur tanah ladangnya.

Sebahagian pedagang yang telah memasuki pulau [tempat

---

<sup>12</sup> Mungkin yang dimaksud adalah tenggelam sewaktu air pasang. –pent.

<sup>13</sup> Sejenis haruman yang mahal. –pent.

<sup>14</sup> Ar: (البحر الأخضر).

<sup>15</sup> Ar: (المهراج).

<sup>16</sup> Gambaran kepada luas dan banyaknya pulau di bawah kekuasaannya. –pent.

bersemayam Maharaja] itu dan dapat dipercayai penceritaannya telah menyebutkan bahawa suara kokokan ayam yang bertenggek di pohon akan disahut bersahut-sahutan [oleh ayam jantan lainnya] sehingga seratus (100) farsakh jauhnya. Ini disebabkan penempatan penduduknya yang bersambungan dan tersusun rapi tanpa sebarang tanah gersang atau sepi tidak berpenghuni.

Begitu juga apabila ada seseorang musafir yang berkelana di pelusuk pulau berkenaan tanpa sebarang bekalan paṣṭi akan mendapatkan makanan dan kehidupan yang mewah di mana saja yang dia singgahi.

Kepulauan baginda bersambung dengan banjaran gunung<sup>17</sup> yang tinggi mencecah awan. Pada malam hari, akan kelihatan jelas api kemerahan daripada pergunungan itu yang menghamburkan bunyi guruh dan petir. Adakalanya akan kedengaran dari gunung-ganang itu bunyi yang pelik lagi mengerikan yang memberi peringatan akan berlakunya kematian seorang raja mereka.

#### [PULAU DAJJAL]

Setelah pulau itu adalah pulau lain yang sepanjang harinya sentiasa kedengaran bunyi gendang, serunai, gitar dan segala alat muzik serta berjenis-jenis tarian dan tepuk-sorai yang dapat difahami dan dibezakan setiap bunyinya. Mereka (para pelayar dan pengembara) meyakini bahawa di pulau itulah tempat tinggalnya Dajjal.

Dalam kepulauan Maharaja ini juga terdapat sebuah pulau yang berkeluasan empat ratus (400) farsakh. Wallahu a'lam.

---

<sup>17</sup> Ar: ( جبال ) Di sini disebutkan dalam kata jamak, bukannya sebuah gunung saja ( جبل ). -pent.

**[KETAM PELIK DI LAUT CHINA]**

Adapun Laut China, maka antara keajaibannya adalah di sana terdapat sejenis ketam sebesar sehaſta dan sejengkal yang keluar daripada laut itu. Apabila ia terpisah daripada air dan telah naik ke darat, ia lalu bertukar menjadi batu. Ketam yang sudah menjadi batu ini menjadi ramuan campuran dalam celak mata.

**[KERAJAAN BALLAHARA]**

Tidak ada dalam mana-mana kerajaan pun baik di Sind mahupun Hind, setelah kaum Muslimin, yang kerajaannya seperti kerajaan Ballahara<sup>18</sup>. Mereka dikurniakan umur yang panjang berbanding orang lain, yang mana menurut mereka, (keiſtimewaan) ini adalah disebabkan oleh keadilan pemerintahannya.

**[KERAJAAN TAQA]**

Selepasnya [yakni Ballahara] adalah kerajaan Taqa<sup>19</sup> yang [penduduknya] cantik rupawan. Para saudagar saling berlumbalumba untuk membeli para wanita daripada penduduk di situ.

**[KERAJAAN DAHRAM]**

Selepas raja ini [yakni Raja Taqa] adalah kerajaan Dahram<sup>20</sup>. Dan ia [yakni Dahram] adalah gelaran bagi raja-raja mereka. Baginda memiliki kerajaan yang sangat besar dan baginda sering

---

<sup>18</sup> Ar: (البهري).

<sup>19</sup> Ar: (الطاقي).

<sup>20</sup> Ar: (مملكة دهرم).

berperang dengan Ballahara. Dikatakan bahawa bilangan tukang dobi dan pekerja dalam pasukannya mencecah bilangan lima puluh ribu (50,000) orang.<sup>21</sup> Matawang [kerajaan] baginda adalah kulit siput. Dalam kerajaan mereka juga terdapat emas dan perak dengan lombong-lombong yang tidak terkira banyaknya.

### [BADAK SUMBU]

Di negeri baginda turut terdapat haiwan yang terkenal dengan panggilan *Bisyan*<sup>22</sup>, iaitulah badak sumbu. Binatang ini juga terdapat di Hind<sup>23</sup>, tetapi yang di sana lebih tegap di samping tanduknya [yakni sumbunya] juga lebih tajam melengkung. Gajah amat takut kepada haiwan ini yang merupakan makhluk Allah Azza wa Jalla yang paling kuat. Ia lebih kecil ukurannya berbanding gajah.

Mereka [yakni penduduk di sana] memakan dagingnya seperti memakan daging kerbau. Pada sumbunya terdapat gambaran rupa segala jenis haiwan. Gambaran yang paling indah adalah yang berwarna hitam berlatar putih. Kadangkala ada juga yang berwarna putih berlatar hitam, tetapi sedikit yang ditemui begitu. Sumbu badak ini dibuat tali pinggang yang mencecah harga ribuan.<sup>24</sup>

(271)

---

<sup>21</sup> Ini mungkin benar atau mungkin juga *mubalaghah* yakni berlebih-lebihan dalam cerita. *Wallahu a'lam.* –pent.

<sup>22</sup> Ar: (البشان). Mas'udi menulis dengan nun (النشان). –pent.

<sup>23</sup> Sebutan Hind di sini merujuk kepada India, bukan Hind secara umumnya. –pent.

<sup>24</sup> Berkemungkinan spesies badak sumbu jenis ini telah lama pupus akibat pemburuan sama ada untuk dimakan atau untuk sumbunya yang bernilai tinggi itu. *Wallahu a'lam.* –pent.

### [BUANG ANGIN UNTUK SIHAT]

Kebanyakan raja-raja Hind tidak berpandangan patut menahan angin dalam perut. Begitu juga pendapat pada cendekiawan mereka. Mereka tidak malu untuk melepaskannya pada sebarang keadaan. Pada keyakinan mereka, menahan kentut adalah punca segala penyakit. Mereka berpandangan sendawa dan batuk lebih teruk berbanding kentut. Dalam keyakinan mereka, bunyi kentut yang kuat itu membersihkan penyakit serta menghilangkan bau/anginnya.

Perkara itu ada disebutkan dalam sebuah qasidah yang terkenal dengan nama *Dzatil Hulal* seperti berikut:

*Sesungguhnya pendeta Hind telah berkata,  
Sebuah ungkapan penuh nasihat bagiku,  
Janganlah engkau tahan kentut bila terasa,  
Lepaskanlah! Dan bukalah! Biar terbuka,  
Sesungguhnya penyakit tiba jika menahannya,  
Sedangkan lega dan rehat pada melepaskannya,  
Batuk dan buang hingus lebih teruk berbandingnya,  
Sial itu pada bersin, kentut berbunyi tidak mengapa,  
Adapun sendawa, itulah kentut berbunyi tiada,  
Dibanding kentut, lebih busuklah sendawa.*

( 272 )

### [PENYIKSAAN DIRI]

Antara mazhab (yakni pegangan dan kepercayaan) mereka adalah bahawa nikmat yang akan mereka perolehi di masa hadapan (akhirat) adalah bergantung pada kadar sengsara yang ditanggung diri mereka di dunia ini.

Kata beliau<sup>25</sup>: Sesungguhnya aku telah melihat seorang lelaki daripada kalangan mereka di negeri Saimur – di sana terdapat hampir sepuluh ribu (10,000) kaum Muslimin – iaitu pada tahun tiga ratus tiga puluh empat (334 H); lelaki tersebut berjalan keliling pasar diiringi sejumlah ahli keluarganya dengan ditonton oleh orang ramai. Dia menjunjung bara api dan karbaid sambil berjalan dengan keadaan kepalanya terbakar serta bau otaknya menusuk hidung.

Apabila dia sampai kepada unggun api, dia mengeluarkan pisaunya lalu diletak pada hatinya lantas ditoreh. Kemudian dia memasukkan tangan kirinya ke dalam torehan itu, menggenggam hatinya lantas merentap keluar sepotong daripada hatinya itu. Sambil melakukan aksi itu, dia bercakap-cakap seperti tiada apa-apa berlaku. Setelah itu dia memotong hati yang direntap tadi, menyerahkan potongan itu kepada sebahagian saudaranya sebagai meremehkan kematian dan merasakan lazat untuk berpindah ke alam baqa. Kemudian, dia lantas menghumban diri ke dalam api yang marak.

#### [GAHARU]

Mereka<sup>26</sup> beranggapan bahawa perjalanan antara pulau Sanfa dan Qimar<sup>27</sup> yang menjadi pengeksport Gaharu Qimari<sup>28</sup> adalah mengambil masa sebulan. Dan antara Qimar dengan Niyumah<sup>29</sup> - iaitu sebuah pulau yang terdapatnya Gaharu

---

<sup>25</sup> Mungkin beliau yang dimaksudkan adalah pedagang yang masuk ke sana. *Wallahu a'lam.* –pent.

<sup>26</sup> Mereka di sini mungkin bermaksud para saudagar, para pelayar atau pengarang sebelum beliau yang menceritakan perkara ini. *Wallahu a'lam.* –pent.

<sup>27</sup> Ar: (فمار)

<sup>28</sup> Ar: (العود القماری).

<sup>29</sup> Ar: (نيومة). Dalam kitab lain ditulis (تيوممة), (بتيوممة). Sebahagian orang



Hind<sup>30</sup> – jaraknya adalah lima hari. Mereka menyebutkan bahawa pokok gaharu terbaik itu besarnya lebih kurang seperti pokok delima, melainkan daunnya itu seperti daun pokok raihan<sup>31</sup>. Mana-mana pokok itu yang tumbuh di celah-celah batu dan segar<sup>32</sup>, maka itulah gaharu yang bagus.

Terdapat sepuluh jenis gaharu kesemuanya. Setiap satunya adalah berbeza. Antaranya ada yang daunnya seperti daun pokok pear dan pokok prune, iaitu jenis yang banyak tumbuh di gunung di Sanfa. Jika engkau datang melalui laut dengan tiupan angin yang baik, iaitu sekitar lima belas hari perjalanan. Kebanyakan pokok-pokok di Sanfa adalah pokok gaharu yang menjadi eksport utama ke negeri-negeri luar. Selain itu, pokok kemenyan<sup>33</sup> juga banyak terdapat di sana. Antara jenis haiwan yang ada di gunung itu adalah gajah dan badak sumbu.

( 273 )

### [TELUK BARBARI]

Daripada Lautan Hindi ini keluar satu teluk<sup>34</sup> yang bersambung dengan bumi Habsyah dan Zanj yang dinamakan [Teluk]

---

berpendapat ianya Pulau Tioman kini. Saya telah menulis agak panjang lebar tentang ini dalam salah satu nota kaki terjemahan buku Rihlatus Sirafi (Baytul Hikma, 2016). *Wallahu a'lam*. –pent.

<sup>30</sup> Ar: ( العود الهندي ).

<sup>31</sup> Pokok Selasih. Dalam bahasa Inggeris disebut “*Basil*” atau dikenal juga dengan nama “*Oregano*”. Ia ada pelbagai jenis. Di tempat kita ia biasanya dijumpai tumbuh meliar di tempat bakar sampah di rumah-rumah kampung. –pent.

<sup>32</sup> Ar: ( رطبا ). Kalimah ini kalau buah kita katakan mengkal, kalau sayur kita katakan segar. Di sini saya tidak tahu perkataan apa yang sesuai bagi pokok, jadi saya gunakan kata “segar”. Mungkin juga kata “muda” sesuai. –pent.

<sup>33</sup> Ar: ( اللك ). Barangkali pokok damar. –pent.

<sup>34</sup> Ar: ( خليج ).

Barbari<sup>35</sup>. Panjangnya lima ratus (500) mil dengan lebar seratus (100) mil. Tidak ada tempat di lautan itu yang lebih menggerunkan berbanding teluk ini. Ombak gelombangnya menggila, gelap pekat dan tidak putus-putus sehingga tidak kelihatan sebarang buih pun seperti mana kebiasaan ombak laut yang biasanya. Gelombang itu boleh mencecah ketinggian sebuah gunung yang sangat tinggi, kemudian ia menghempas sedalam-salamnya seumpama sebuah lembah yang sangat dalam.

### [IKAN PAUS]

Di teluk itu terdapat sejenis ikan yang dikenali sebagai *Wal*<sup>36</sup>. Panjang ikan itu empat ratus ke lima ratus (400 – 500) hasta *Umari*, iaitu ukuran hasta penduduk laut tersebut. Kadangkala sebahagian badan ikan itu muncul daripada permukaan laut seumpama sekeping layar kapal yang sangat besar dan ia menyemburkan air ke udara yang setinggi lebih daripada lontaran panah.

Ikan itu menggunakan ekor dan sirip sisinya bagi menghimpunkan ikan-ikan ke dalam mulutnya yang ternganga luas, lantas semuanya akan melimpah masuk [ke perutnya]. Apabila ikan ini berbuat melampau, maka Allah akan menghantar sejenis ikan sepanjang sehasta bernama ikan *Lasyk*<sup>37</sup> yang akan menempel di pangkal ekornya. Maka ikan paus itu tidak akan dapat menghalau ikan kecil tersebut. Ia akan berenang merentas lautan lalu menghempas dirinya sendiri sehingga mati, lalu bangkainya akan terapung di permukaan air

---

<sup>35</sup> Ar: ( البريري ).

<sup>36</sup> Ar: ( الأوال ). Yakni ikan paus. Barangkali dari kalimah ini datangny kata Whale dalam bahasa Inggeris. –pent.

<sup>37</sup> Ar: ( اللشك ).

seumpama sebuah gunung yang sangat besar.<sup>38</sup>

### [BUAYA SUNGAI NIL]

Demikian jugalah yang dilakukan oleh seekor binatang kecil terhadap buaya yang terdapat di pesisir sungai Nil. Ianya sejenis buaya yang tidak mempunyai dubur. Apa-apa yang dimakannya apabila masuk ke perut akan bertukar menjadi ulat. Bilamana ia merasa tidak selesa perut akibat ulat-ulat itu, ia akan bergerak naik ke darat dan menelentangkan diri di situ sambil menganga mulutnya luas-luas.

Lalu burung-burung air<sup>39</sup> yang pelbagai jenis akan turun memakan ulat-ulat yang kelihatan pada mulut buaya itu. Binatang kecil yang disebutkan di awal tadi diam bersembunyi di bawah pasir. Apabila buaya berkeadaan begitu, maka binatang kecil itu akan melompat masuk ke dalam kerongkong buaya terus ke perutnya lantas merobek-robek perut sang buaya. Kemudian ia pun keluar.

Adakalanya buaya itu akan membunuh diri sebelum sempat perutnya dirobek. Binatang kecil itu berukuran kira-kira sehaṣṭa dan berupa seakan jebon<sup>40</sup> tetapi berkaki banyak dengan kuku tajam.

(274)

---

<sup>38</sup> Berkenaan bangkai ikan paus ini ada kisah yang mana para sahabat Nabi SAW yang dalam satu perjalanan keputusan bekalan makanan lalu terjumpa bangkai paus yang terdampar. Mereka kemudian menyambung hayat dengan memakan ikan itu. Keseluruhan kisahnya bolehlah dibaca dalam kitab hadis. –pent.

<sup>39</sup> Ar: ( طير الماء ) Iaitu burung-burung yang jenis bermain di air seumpama camar, bangau, kedidi dan sebagainya kalau di tempat kita. *Wallahu a'lam.* –pent.

<sup>40</sup> Ar: ( ابن عرس ).

### [PULAU-PULAU DI LAUTAN HINDI]

Di antara Laut Harkand dan Laut Larawi yang termasuk dalam Lautan Hindi terdapat kira-kira seribu (1000) buah pulau. Jarak antara sesebuah pulau sekitar satu farsakh. Kepulauan ini yang dikenali sebagai Dibajat<sup>41</sup> semenjak zaman dahulukala lagi diperintah oleh seorang Ratu. Tenteranya tidak terkira kerana teramat ramai. Penghujung pulau ini adalah pulau Sarandib<sup>42</sup>. Bersambung dengan kepulauan ini adalah pulau-pulau lainnya yang turut mempunyai bilangan tentera yang tidak terpermanai<sup>43</sup>.

(275)

### [KEUNIKAN KAPAL PENDUDUK SEKITAR LAUTAN HINDI]

Lautan yang disebutkan ini semuanya mampu meleburkan besi dan menanggalkan paku-paku kapal akibat hempasan ombak besar yang tidak henti-henti. Kerana inilah para penduduk sekitar lautan ini membina kapal-kapal mereka menggunakan kayu jati<sup>44</sup> yang diikat dengan tali pintalan sabut kelapa sebagai menggantikan paku.

(276)

### [PULAU SARANDIB DAN KEUNIKANNYA]

Di pulau Sarandib terdapat sebuah binaan kuil emas yang sangat besar yang sarat dihiasi pelbagai hiasan dan batu permata

---

<sup>41</sup> Ar: (الديباجات). Dikatakan ianya Kepulauan Maldives kini. Ibn Batutah pernah menjejakkan kaki dan tinggal beberapa ketika di pulau ini. –pent.

<sup>42</sup> Ar: (سرنديب). Iaitu Sri Lanka. –pent.

<sup>43</sup> Ini adalah perkataan klasik yang sengaja saya gunakan di sini, iaitu bermaksud “banyak tidak terkira”. –pent.

<sup>44</sup> Ar: (الساج).

bernilai tinggi. Di situlah tempat berhimpunnya para penduduk sambil mempelajari sejarah datuk nenek dan kisah para raja mereka.

Dikatakan bahawa keluasan pulau Sarandib adalah lapan puluh farsakh darab lapan puluh (80 x 80 farsakh).<sup>45</sup> Di Sarandib juga terdapat sebuah gunung tinggi mencecah awan yang dapat dilihat oleh orang yang berada sejauh beberapa hari perjalanan di laut. Gunung inilah yang dikatakan menjadi tempat Nabi Adam *alaihissalam* diturunkan [ke dunia]. Puak Brahma<sup>46</sup> mengatakan bahawa di situ terdapat bekas tapak kaki Nabi Adam yang telom berukuran kira-kira lima puluh (50) hasta.

Di atas gunung ini terdapat cahaya yang sentiasa bersinar-sinar seumpama kilat yang menyambar. Di situ juga dan sekitarnya ada pelbagai jenis batu delima merah, kuning dan hitam. Delima merah adalah yang paling bagus dan mahal. Ini kerana apabila dikenakan api maka ia akan bertambah-tambah merah menyala dan indah. Sekiranya pada delima itu ada setitik saja warna merah menyala, lalu dikenakan api padanya, maka titik merah itu akan merebak ke seluruh batu delima itu lantas menukarkan warnanya kepada merah yang sangat cantik.

Menurut kata mereka, kikir besi<sup>47</sup> tidak memberi sebarang kesan terhadap warna batu delima. Sesungguhnya Aristotle<sup>48</sup> berpandangan dengan penuh yakin bahawa barangsiapa yang

---

<sup>45</sup> 1 farsakh menyamai 10 km. maka keluasannya adalah  $800 \times 800 = 640,000$  km<sup>2</sup>. Kerana itu kita dapati dalam peta-peta lama Sarandib saiznya besar. Keluasan Sri Lanka kini cuma 65,610 km<sup>2</sup>. Tidaklah kita ketahui sama ada keluasan yang disebutkan dalam kitab-kitab klasik itu memang sebenarnya dan ia kian mengecil akibat kenaikan paras laut atau hakisan bencana alam dan sebagainya. *Wallahu a'lam.* –pent.

<sup>46</sup> Ar: ( البراهمة ).

<sup>47</sup> Ar: ( مبارد الحديد ).

<sup>48</sup> Ar: ( ارسطاطاليس ).

memakai kalung atau cincin daripada tiga jenis batu delima yang telah kami sebutkan di atas, dan orang itu berada pada sebuah negeri yang ditimpa wabak, ia tidak akan dijangkiti.

Katanya, sesungguhnya Sarandib tidaklah termasuk dalam pemerintahan kerajaan Ratu yang disebutkan sebelum ini, tetapi ia dibawah perintah Raja Al-Bohal<sup>49</sup>. Raja ini seorang peminum arak. Bekalan araknya dibawa daripada negeri Arab. Hanya baginda seorang saja daripada kalangan Raja-raja Hind yang meminum arak. Bukan itu saja, baginda juga menghalalkan arak kepada para penduduk dalam kerajaannya.

...<sup>50</sup>Kerajaan-kerajaan Ratu ini namanya Barran<sup>51</sup>. Baginda Ratu inilah yang digelar Barraniah<sup>52</sup>, dan kerajaannya sangat kuat. Hinggakan Raja Bohal yang mempunyai kerajaan besar dan tentera yang ramai itu pun alah dengan baginda Ratu. Negeri Ratu ini brpenyakit wabak. Jika ada orang luar yang datang menetap di sana kiranya menempah ajal akibat penyakit wabak itu. Gajah-gajah yang terdapat di sini juga sangat besar berbanding di tempat lain.

( 277 )

### [RAJA-RAJA HIND DAN GAJAH]

Raja-raja Hind akan membayar sebanyak seribu (1000) dinar bagi setiap satu haṣṭa tambahan yang melebihi lima haṣṭa sehingga mencapai tujuh haṣṭa ketinggian seseekor gajah. Bayaran juga akan dikurangkan sebanyak itu jika ukurannya

---

<sup>49</sup> Ar: ( الیهل ).

<sup>50</sup> Beginilah dalam kitab asal. Menunjukkan ada ayat-ayat yang tertinggal atau tidak dapat dibaca. –pent.

<sup>51</sup> Ar: ( بران ).

<sup>52</sup> Ar: ( البرانية ). Agaknya daripada legenda keberanian Ratu inilah masuknya perkataan “Berani” dalam bahasa kita. –pent.

kurang daripada shaṣṭa.<sup>53</sup> Dan tidak ada gajah mereka yang melebihi tujuh haṣṭa melainkan gajah yang dimiliki oleh [Ratu] Barraniyah sahaja yang mencecah sehingga sepuluh haṣṭa.

Tidak ada gajah milik para raja Al-Hind yang lebih berani dalam peperangan dibandingkan dengan gajah Raja Sailaman<sup>54</sup>, iaitu salah seorang daripada raja-raja mereka. Gajah itu dilatih oleh mereka untuk bersikap berani iaitu dengan menyalakan api yang cukup besar, kemudian diheret gajah kepada api itu. Mana-mana gajah yang tidak lari maka ia dikira berani. Manakala gajah-gajah yang lari atau takut apabila diseret akan digunakan untuk mengangkut beban dan barang-barang saja.

(278)

#### [LAUT MERAH]

Seterusnya daripada laut itu [yakni Lautan Hindi] ada satu lagi teluk<sup>55</sup> yang berakhir di Qalzum yang terletak tiga hari perjalanan daripada Fuṣṭat<sup>56</sup>, Mesir. Di pesisiran teluk itu terletakinya bandar Ailah<sup>57</sup>, Hijaz, Jeddah dan Yaman. Panjangnya sejauh seribu empat ratus (1400) mil. Negeri-negeri yang kami sebutkan tadi berada di pesisir Timurnya. Manakala di pesisir Baratnya pula adalah dataran tinggi Mesir dan sekitarnya, tanah Bujah dan sekelilingnya, kemudian negeri

---

<sup>53</sup> Barangkali ada kesilapan catatan di sini. Mungkin yang dimaksud adalah panjang gading gajah itu, bukannya ketinggian gajah. Wallahu a'lam. –pent.

<sup>54</sup> Ar: (الصَيْلَمَان). Dalam salah satu manuskrip ditulis (الصَيْلان).

<sup>55</sup> Iaitu Laut Qalzum atau Laut Merah. –pent.

<sup>56</sup> Ar: (فَسْطَاط).

<sup>57</sup> Ar: (اَيْلَة).

orang kulit hitam Habsyah dan Sudan<sup>58</sup>, sehinggalah bersambung ke penghujung bumi Zanj<sup>59</sup> yang terletak di sana negeri dan bumi Sufalah<sup>60</sup>.

( 279 )

### [TERUSAN SUEZ DI ZAMAN SILAMI]

Sesungguhnya, dahulu sebahagian Raja Yaman telah menggali sebuah terusan bagi menyambungkan antara Qalzum dan Laut Rom [Mediterranean]. Tetapi usaha tersebut tidak berjaya kerana keadaan muka bumi Qalzum yang tinggi, manakala Laut Rom pula lebih rendah. Allah Azza wa Jalla telah menjadikan batas bagi keduanya seperti dalam kitabNya yang Maha Mulia.<sup>61</sup>

Terusan yang digali di bahagian Qalzum dikenali sebagai *Ekor Buaya*<sup>62</sup>, iaitu terletak satu mil daripada bandar Qalzum. Di situ terdapat sebuah jambatan batu yang besar yang dilintasi oleh jemaah haji dari Mesir.

Bilamana usaha penggalian terusan itu tidak berjaya, maka raja Yaman tadi menggali pula sebuah terusan lain daripada Laut Rom di bahagian berhampiran negeri Tunis dan Dimyat. Terusan ini dikenali sebagai Teluk Zabar dan Khabyah<sup>63</sup>. Air daripada Laut Rom mengalir masuk mengairi teluk itu sehingga satu tempat bernama Na'na'an<sup>64</sup>. Maka kapal-kapal daripada Laut Rom boleh belayar masuk sehingga ke kampung tersebut,

---

<sup>58</sup> Ar: ( بلاد الأحابيش والسودان )

<sup>59</sup> Ar: ( الزنج ).

<sup>60</sup> Ar: ( بلاد سفالة ).

<sup>61</sup> Surah An-Naml, Ayat 61.

<sup>62</sup> Ar: ( ذنب التمساح ).

<sup>63</sup> Ar: ( الزبر والخبيبة )

<sup>64</sup> Ar: ( نعنعان ).



manakala kapal-kapal daripada Laut Qalzum pula masuk sehingga penghujung *Ekor Buaya* tadi. Dengan itu jarak untuk mengangkut barangan daripada kedua-dua buah laut itu menjadi dekat.

Seiring lamanya peredaran masa yang berlalu, kesemua itu akhirnya binasa. Dan kesan-kesan penggalian terusan itu masih kekal jelas [dapat dilihat] di tempat berkenaan.<sup>65</sup>

[Khalifah Harun] Ar-Rashid turut pernah berhasrat untuk menyambungkan antara dua buah laut tersebut bermula daripada hulu sungai Nil pada arah negeri Habsyah dan tanah tinggi Mesir. Namun usaha itu tidak berjaya. Kemudian baginda bercita-cita pula ingin melakukannya melalui negeri Farma<sup>66</sup> pada arah negeri Tunis. Lalu Yahya bin Khalid berkata kepadanya, “*Sekiranya hal ini berjaya, nanti pihak Rom akan menyerang serta menawan Masjidil Haram dan Makkah.*” Mendengarkan itu, baginda pun tidak meneruskan niat tersebut.

‘Amr bin Al-‘Ash [*radhiyallahu ‘anhu*] juga pernah ingin melakukan hal yang sama ketika beliau memerintah Mesir, namun telah ditegah oleh Umar bin Al-Khattab *radhiyallahu ‘anhu*.

(280)

### [TELUK PARSII]

Daripada lautan ini juga [yakni Lautan Hindi] menganjur keluar teluk yang ketiga iaitu Laut Parsi sepanjang seribu empat

---

<sup>65</sup> Membaca perkara ini mengingatkan kita kepada kegemilangan pelabuhan Kedah Tua, Melaka dan lain-lain di Kepulauan Melayu yang kini tidak tinggal lagi kesannya. Demikianlah sejarah menimbulkan keinsafan kepada kita. “*Demikianlah kami gilirkan hari-hari itu di antara manusia.*” (Ali-Imran: Ayat 140). –pent.

<sup>66</sup> Ar: (الفرما).

ratus (1400) mil dan lebarnya yang asal sebanyak lima ratus (500) mil. Penghujungnya adalah negeri Ubullah, Khasyabat dan ‘Abadan<sup>67</sup> iaitu di bumi Basrah.

Khasyabat Basrah dinamakan sedemikian kerana di sana ada beberapa kayu yang didirikan sebagai petanda kepada kapal-kapal yang hendak belayar ke Oman. Dan di sini adalah mula sempadan negeri Parsi.

Teluk ini berbentuk segitiga dengan puncaknya di negeri Ubullah. Di pesisir Timurnya terletak pantai Parsi, Siraf, Kirman dan negeri Makran iaitu negeri kaum Khawarij. Kesemua ini merupakan bumi [yang terdapatnya pokok] kurma<sup>68</sup>. Kemudian pesisir Hind yang terletaknya muara Mihran iaitu sungai Sind. Seterusnya pesisiran itu sambung-menyambung makmur berpenduduk sehinggalah sampai ke bumi China.

Berhadapan dengan apa yang kami sebutkan tadi, maka di bahagian pesisir Baratnya pula terletak pulau-pulau Qatar, pantai Bani Jazimah, negeri Oman yang berhadapan dengan negeri Kirman, kemudian bumi Shihr, Ahqaaf dan Hadhramaut.

( 281 )

#### [‘ANBAR]

Penduduk Shihr adalah daripada keturunan [Arab] Qudha’ah<sup>69</sup>, dan bangsa Arab yang mendiami negeri ini digelar Al-Maharah<sup>70</sup>. [Dalam percakapan] mereka menukar sebutan

---

<sup>67</sup> Ar: (عبادان), (النخشيات), (الأبلة).

<sup>68</sup> Ar: (أرض نخل).

<sup>69</sup> Ar: (قضاعة).

<sup>70</sup> Ar: (المهرة).

huruf “*Kaf*” ( ك ) kepada huruf “*Syin*” ( ش ).

Di tempat mereka terdapat ‘anbar terbaik dan langka berbentuk bulat dengan warna biru. Mereka memiliki unta-unta jantan yang terlatih buat mengesan ‘anbar tersebut yang akan ditunggu di pantai. Apabila unta-unta jantan itu mengesan ‘anbar tersebut, maka ia akan menderum di situ. Di pantai ini juga terdapat kemenyan yang diperdagangkan ke tempat-tempat lain.

‘Anbar terbaik juga boleh didapati di Kepulauan Zanj. Ia terhasil di dasar laut seumpama cendawan atau kulat. Adakalanya ia dimakan oleh sejenis ikan yang paus lalu menyebabkan kematian paus tersebut. Ada sekumpulan orang Zanj yang memang kerjanya mencari-cari bangkai paus yang terapung di permukaan laut itu. Apabila terjumpa, maka mereka akan segera mencampakkan pencangkuk dan menarik bangkai tersebut. Kemudian mereka akan membelah perutnya bagi mengeluarkan ‘anbar yang telah dimakan oleh paus itu. ‘Anbar jenis ini dikehendaki oleh para saudagar minyak wangi di Iraq dan Hind.

Di pantai Laut Andalus juga terdapat ‘anbar jenis bagus di tempat yang disebut Syantarín dan Syadzunah<sup>71</sup>.

( 282 )

### [PULAU DAN GUNUNG DI TELUK PARSÍ]

Ada banyak pulau di teluk ini [yakni Teluk Parsi], contohnya pulau Kharak<sup>72</sup> yang memiliki tempat selaman mutiara. Mutiara dari situ terkenal dengan nama Al-Kharaki. Selain itu,

---

<sup>71</sup> Ar: ( شنترين وشدونة )

<sup>72</sup> Ar: ( خارك ).

ada pulau Awal<sup>73</sup> yang ditempati oleh Bani Ma'an<sup>74</sup> dan ramai bangsa Arab yang lain.

Di laut ini juga terletaknya gunung-ganang yang terkenal dengan sebutan Kusair dan 'Uwair<sup>75</sup>, dan gunung ketiga yang tidak diketahui. Gunung-gunung itu hitam gelap dan menjulang ke langit. Tiada sebarang haiwan mahupun tumbuhan yang hidup di situ. Ia dikelilingi oleh air laut dengan ombak yang tidak putus-putus menghempas dan menggerunkan sesiapa jua. Setiap kapal tidak dapat tidak mesti melalui di antara gunung-gunung itu, ada ketikanya selamat dan ada kalanya tidak. Gunung-gunung itu berada di tengah laluan pelayaran daripada Oman ke Siraf.

Jarak di antara teluk ini dan Teluk Qalzum jika melalui daratan adalah seribu lima ratus (1500) mil.

( 283 )

Kesemua laut tadi adalah satu jua: Laut China, Hind, Parsi, Yaman; namun berbeza ombak dan gelombang airnya. Waktu yang sukar bagi kapal-kapal untuk belayar di Laut Parsi<sup>76</sup> bermula beredarnya matahari ke garis buruj Gadis<sup>77</sup> sehingga ke buruj Ikan<sup>78</sup>, sementara Laut Hind pula sebaliknya<sup>79</sup>. Kedua laut itu bagaikan pergerakan air pasang yang saling bergelora

---

<sup>73</sup> Ar: (أوال).

<sup>74</sup> Ar: (بنو معن).

<sup>75</sup> Ar: (كسیر وعویر).

<sup>76</sup> Barangkali ada kesilapan di sini. Mungkin yang dimaksud adalah Laut China. Kerana disebutkan di akhir bahawa Laut Parsi dapat dilayari sepanjang tahun. *Wallahu a'lam.* –pent.

<sup>77</sup> Ar: (السنبلة), zodiak Virgo. –pent.

<sup>78</sup> Ar: (الحوث), zodiak Pisces. –pent.

<sup>79</sup> Barangkali yang dimaksud di sini adalah musim tengkujuh di Laut Hindi adalah setelah berakhir musim tengkujuh di laut sebelumnya. *Wallahu a'lam.* –pent.

pada waktu masing-masing. Adapun Laut Parsi, maka ia dapat dilayari sepanjang tahun.

( 284 )

### **[BANDINGAN LAUT QALZUM DENGAN LAINNYA]**

Tidak ada di antara teluk yang telah kami sebutkan sebelum ini yang lebih busuk baunya dan sedikit kebaikannya baik di dasar mahupun permukaannya berbanding Laut Qalzum yang terletak di sebelah kanan Laut Hindi.<sup>80</sup> Laut itu juga terlampau ganas dan memiliki gunung-ganang yang besar. Kapal-kapal tidak dapat belayar di situ melainkan pada waktu siang sahaja. Apabila malam menjelang, semua kapal akan berlabuh di perhentian-perhentian yang sedia maklum.

Ia jauh berbeza jika dibandingkan dengan Laut Hindi dan Sind yang di dasarnya terdapat mutiara dan ‘anbar, di gunungnya terdapat permata dan galian emas perak, selain hasil pesisirnya seperti kayu hitam, rotan buluh, gaharu, pohonan kafur, cengkik, cendana serta pelbagai wangi-wangian.

( 285 )

### **[MUTIARA DAN CARA MENDAPATKANNYA]**

Tempat selaman mutiara di negeri Kharak, Qatar, Oman, Sarandib dan lain-lain hanya terdapat di Lautan ini, sementara di tempat lain tiada mutiara. Para penyelam tidak memakan daging yang lain selain ikan sahaja. Mereka juga mesti menebuk

---

<sup>80</sup> Pengarang menyebutkan di sebelah kanan Laut Hindi kerana pada peta zaman dahulu bahagian selatan peta hari ini berkedudukan di atas. Saya tidak mengatakan peta zaman dahulu terbalik, tetapi saya katakan bahawa peta zaman kinilah yang sengaja dilukis terbalik kerana tujuan-tujuan tertentu antaranya bagi menunjukkan bangsa kulit putih Anglo-Saxon lebih tinggi dan mulia berbanding bangsa kulit berwarna. –pent.

pangkal telinga sebagai laluan pernafasan disebabkan pada hidung mereka diletakkan cengkerang penyu.

Di telinga pula akan disumbatkan kapas dicelup minyak yang mana semasa berada di dasar laut nanti minyak itu akan diperah lalu menjadi cahaya yang mampu menerangi. Sementara itu, betis dan tangan pula akan dilumuri dengan warna hitam bagi menakutkan haiwan-haiwan laut daripada mendekati mereka. Sewaktu di dasar laut, mereka akan saling menjerit dengan suara seperti salakan anjing, juga bagi menakutkan haiwan laut. Adakalanya suara itu dapat didengari sehingga ke permukaan laut.

Selaman mutiara hanya akan dilakukan bermula awal bulan Naisan [sekitar April] sehingga penghujung bulan Ailul [sekitar September].

( 286 )

### **[LAUT HIJAU]<sup>81</sup>**

Adapun Laut Rom [Mediterranean], iaitulah Laut Syam, Mesir dan Andalus, maka sesungguhnya ia merupakan sebuah teluk daripada Laut Uqyanus<sup>82</sup>. Panjangnya [Laut Rom] itu adalah lima ribu (5,000) mil. As-Sarakhsi menyebutkan daripada Al-Kindi bahawa panjangnya enam ribu ( 6,000 ) [mil]. Lebarnya pula berbeza-beza, ada tempat lebarnya lapan ratus (800), sepuluh (10) dan ada yang disebutkan dua belas (12) mil, iaitu di antara pantai Sabtah<sup>83</sup> dan Tanjah<sup>84</sup> dengan pantai Andalus. Laluan sempit itu disebut Az-Zuqaq.<sup>85</sup> Nanti kami sebutkan

---

<sup>81</sup> Ar: ( البحر الأخضر ). Laut Atlantik. -pent.

<sup>82</sup> Ar: ( أقيانوس ).

<sup>83</sup> Ar: ( سبتة )

<sup>84</sup> Ar: ( طنجة ).

<sup>85</sup> Ar: ( الرقاق ). Kini dikenal sebagai Selat Gibraltar. -pent.

dalam penceritaan mengenai Mesir, insya Allah, berkenaan sebuah jambatan batu yang menghubungkan antara dua pesisir di atas dan bagaimana ia dihanyutkan oleh arus laut tersebut.

Pada satu tanjung yang menjulur daripada teluk ini ke Laut Uqyanus terdapat sebuah menara tembaga yang telah dibina oleh Heraklius<sup>86</sup>, Sang Raja Perkasa. Di atas menara itu terdapat tulisan dengan patung-patung yang mengangkat tangannya memberi isyarat: *“Tidak ada jalan di belakangku ini. Tiada laluan di laut itu. Tiada kapal dapat belayar, tiada hidupan di sana, tidak diketahui penghujungnya, dan tidak diketahui pula keuasaan dan kedalamannya. Ia adalah Laut Kegelapan, Yang Berwarna Hijau dan Meliputi.”*

( 287 )

#### [PENEMU AMERIKA SEBELUM COLUMBUS]

Sesungguhnya pernah ada seorang anak muda daripada penduduk Andalus, namanya Khasykhasy<sup>87</sup>, yang berasal daripada Qurtubah<sup>88</sup> telah bertindak membahayakan dirinya. Bersama sekumpulan pemuda sebayanya, mereka belayar menggunakan beberapa buah kapal siap bekalan lalu masuk belayar ke laut ini lantas hilang tanpa berita. Setelah beberapa lama, mereka kembali dengan membawa harta benda yang banyak serta berita-berita yang terkenal.<sup>89</sup>

( 288 )

Laut ini hanya dilayari pada bahagian ke Barat dan Utara

---

<sup>86</sup> Ar: ( هرقل ، هرقل ) Sila gugel Pillars of Hercules untuk perbandingan dan bacaan tambahan. –pent.

<sup>87</sup> Ar: ( خشخاش ).

<sup>88</sup> Ar: ( قرطبة ). Cordoba. –pent.

<sup>89</sup> Inilah bukti bahawa sebelum Columbus telah ada yang belayar ke benua Amerika. –pent.

sahaja, bermula daripada hujung negeri Sudan<sup>90</sup> sehingga ke Britain<sup>91</sup>, iaitu sebuah pulau besar yang terletak di hujung Utara. Di laut ini juga [yakni Laut Hijau] terdapat enam buah pulau berhadapan dengan negeri Sudan yang dinamakan [Pulau-pulau] Keabadian<sup>92</sup>. Sementara berhampiran pulau Britain terdapat sebelas buah pulau serta sebuah pulau yang disebut Ghadirah<sup>93</sup> yang bersetentang dengan Andalus. Laluan masuk ke teluk ini terkenal dengan sebutan Az-Zuqaq. Dan selepas laluan masuk itu, tiada seorang pun mengetahui apa yang terdapat di sana.

### [LAUT ROM]

( 289 )

Teluk ini ialah Laut Rom, Tartus, Missisah, Antakia, Lazqiyah, Atrabulus, Sur<sup>94</sup> dan lain-lain pantai Syam, Mesir dan Iskandariah. Di laut ini terdapat banyak pulau seperti pulau Qubrus<sup>95</sup> yang dilingkungi air sejauh dua ratus (200) mil, pulau Iqritasy<sup>96</sup> yang dikelilingi laut sejauh lapan ratus (800) mil, pulau Siqilyah<sup>97</sup> yang dilingkungi laut sejauh lima ratus (500) mil, pulau Sirdaniyah<sup>98</sup> yang dilingkungi laut sejauh tiga ratus (300)

---

<sup>90</sup> Ar: ( بلاد السودان ). Sudan ini bukanlah dengan sempadan Sudan hari ini. Mungkin maksud pengarang dengan kalimah “Sudan” merujuk kepada bangsa berkulit hitam umumnya. –pent.

<sup>91</sup> Ar: ( بريطانيا ).

<sup>92</sup> Ar: ( الخالدات ).

<sup>93</sup> Ar: ( غديرة ).

<sup>94</sup> Ar: ( صور ), ( أطرابلس ), ( اللاذقية ), ( أنطاكية ), ( المصيصة ), ( طرطوس ).

<sup>95</sup> Ar: ( قبروس ). Cyprus.

<sup>96</sup> Ar: ( إقريطش ).

<sup>97</sup> Ar: ( صقلية ).

<sup>98</sup> Ar: ( سردانية ).



mil, serta pulau-pulau lain lagi.

( 290 )

Mutiara didapatkan daripada Laut Ifriqiyah<sup>99</sup> dan Siqiliyah. Laluan sempit yang kami telah sebutkan sebelum ini<sup>100</sup>, iaitu teluk yang pesisirnya terletak negeri Tanjah, bersambung dengan negeri Maghribi, Ifriqiyyah, Sus, Atrabulus Maghribi<sup>101</sup>, Qairawan, pesisir Burqah, sehingga ke negeri Iskandariah, sampai ke Tunis, Dimyat, pesisir Syam, seterusnya pesisir Rom<sup>102</sup> [Konstantinopel] sampai ke negeri Roma<sup>103</sup> [Itali], bersambung ke pesisir Andalus, lalu berakhir kembali di teluk sempit yang kami sebutkan di awal tadi.

Dari teluk ini [Laut Mediterranean] juga keluar suatu teluk lain ke utara berhampiran Roma sepanjang lima ratus (500) mil yang dinamakan Adreas<sup>104</sup>, iaitulah yang dikenali oleh bangsa Rom sebagai Ma' Regina<sup>105</sup>.

Dan daripadanya<sup>106</sup> juga keluar suatu teluk lagi<sup>107</sup> sehingga ke bumi Narbunah<sup>108</sup>.

---

<sup>99</sup> Ar: ( إفريقية ).Afrika. –pent.

<sup>100</sup> Yakni Selat Gibraltar. –pent.

<sup>101</sup> Tripoli. –pent.

<sup>102</sup> Ar: ( الروم )

<sup>103</sup> Ar: ( رومة ). Lihat perbezaan antara Rom Itali dengan Rom Konstantinople (Turki kini) yang disebutkan sebelum ini. Ini satu perkara penting yang kebanyakan orang sering terkeliru. –pent.

<sup>104</sup> Ar: ( أدرييس ) iaitu Laut Adriatic. –pent.

<sup>105</sup> Ar: ( ماء ريجهينه ) Mar Ionio. –pent.

<sup>106</sup> Yakni Laut Mediterranean. –pent.

<sup>107</sup> Barangkali yang dimaksud adalah Laut Aegean. Wallahu a'lam. –pent.

<sup>108</sup> Ar: ( نربونة ).

Laut Nitasy<sup>109</sup> turut merentasi negeri Laziqah<sup>110</sup> menuju ke Konstantinopel. Panjangnya seribu seratus (1100) mil dengan kelebaran tiga ratus (300) mil. Laut Nitasy ini merupakan laut bagi bangsa Turki, Burghar, Rus<sup>111</sup> dan selain mereka. Ia memanjang bermula daripada utara iaitu daripada bandar yang disebut Laziqah sejauh tiga ratus (300) mil, iaitu yang terletak setelah Konstantinopel.

Sebahagian laut ini bersambung melalui selat-selat dan sungai-sungai besar dengan sebahagian daripada Laut Khazar yang telah disebutkan [sebelum ini]. Kerana itulah sebahagian pengarang kitab telah terkeliru apabila menyangka bahawa Laut Nitasy, Tasik Manitasy<sup>112</sup> dan Laut Khazar sebagai sebuah laut yang sama.

Adapun Laut Manitasy, maka daripadanya keluar Teluk Konstantinopel<sup>113</sup> yang bermuara ke Laut Rom, yakni Laut Syam. Panjang teluk ini sebanyak tiga ratus enam puluh (360) mil dan terletak di sebelah barat Konstantinopel. Pada sebelah utara, teluk ini membelok dan bersambung dengan negeri Roma, Andalus dan lain-lain. Lebar teluk ini di hulunya adalah sepuluh (10) mil, dan ada juga mengatakan enam (6) mil. Di situ terdapat sebuah bandar bernama Musannah?<sup>114</sup> Setelah itu, teluk ini makin menyempit sehingga di lebarnya di

<sup>109</sup> Ar: ( نيطش ). Iaitu Laut Hitam (Black Sea). –pent.

<sup>110</sup> Ar: ( لاذقة ).

<sup>111</sup> Ar: ( الترك ) Turki, ( البرغر ) Bulgaria, ( الروس ) Rusia. –pent.

<sup>112</sup> Ar: ( بحيرة مانيطش ). Barangkali yang dimaksud adalah Laut Marmara. Wallahu a'lam. –pent.

<sup>113</sup> Ar: ( خليج القسطنطينية ).

<sup>114</sup> Ar: ( مسناه ) Tanda soal tersebut terdapat dalam naskhah kitab ini. –pent.

Konstantinople hanyalah empat (4) mil.

( 292 )

Di Laut Manitsy mencurah masuk sebuah sungai besar yang dikenali dengan Tanais<sup>115</sup>. Hulunya bermula daripada utara yang didiami oleh sebahagian keturunan Yafith [bin Nuh alaihissalam]. Panjang sungai tersebut adalah sebanyak tiga ratus (300) farsakh melewati penempatan yang tidak putus-putus. Ianya merupakan sungai yang sangat besar dengan pelbagai jenis batu-batan, rumput-rumpai dan kayu-kayan. Muara sungai ini di Laut Manitsy yang seterusnya mencurah masuk pula ke Laut Nitasy.

Kata ( د )<sup>116</sup>: Sesungguhnya Manitsy merupakan suatu tasik di utara. Ia adalah sebuah laut yang besar, sekalipun disebut tasik. Panjangnya daripada timur ke barat sejauh tiga ratus (300) mil dan lebarnya seratus (100) mil. Dari tasik itu, iaitu di Konstantinopel, keluar sebuah teluk seumpama sungai yang mencurah ke Laut Syam. Lebar teluk itu di Konstantinopel adalah sebanyak tiga (3) mil. Laut yang besar ialah Nitasy, manakala tasik ialah Manitsy.

#### [LAUT BAB AL-ABWAB]<sup>117</sup>

( 293 )

Adapun Laut Bab Al-Abwab, maka ianya adalah Laut Khazar, Jiyal, Dailam, Jurjan, Tabaristan dan pelbagai bangsa Turki.

---

<sup>115</sup> Ar: ( طنائس ).

<sup>116</sup> Huruf ( د ) ini merujuk kepada Ibn Rastah, iaitu dalam kitab beliau Al-A'laq An-Nafisah. Maklumat ini ada diterangkan dalam muqaddimah tahqiq. -pent.

<sup>117</sup> Jika diterjemahkan, ia menjadi Laut Salah Satu Pintu. Berdasarkan lokasinya ia berkemungkinan Laut Caspian. *Wallahu a'lam.* -pent.

Salah satu pesisirnya adalah di negeri Khwarizam yang terletak dalam Khurasan. Laut ini juga dikenal sebagai Laut Khurasani. Ukuran panjangnya adalah lapan ratus (800) mil dengan lebar enam ratus (600) mil dan bentuknya bulat lonjong.

Dan ia adalah laut bangsa Ajam yang makmur dengan penempatan di sekelilingnya. Di laut ini terdapat banyak naga<sup>118</sup> seperti juga di Laut Syam.

( 294 )

### [PERIHAL NAGA]

Sesungguhnya manusia mempunyai pendapat yang berbeza-bagai tentang naga. Antara mereka ada yang berpandangan bahawa ia adalah angin hitam yang berada di jurang lautan lalu naik ke udara lalu bercantum dengan awan, seperti puting beliung apabila berputar dengan membawa segala debu dan sampah sarap serta pokok-pokok lantak naik ke langit maka disangka oleh sebahagian orang ianya ular hitam yang besar akibat awan hitam, cuaca gelap serta angin kencang.

Ada juga yang berpendapat bahawa naga itu adalah sejenis binatang yang berada di jurang dasar laut. Ia membesar menjadi penguasa binatang-binatang laut yang lain. Lalu Allah mengutuskan satu malaikat serta awan untuk mengeluarkannya dari sana. Ia berupa seekor ular besar berwarna hitam dengan kilat berapi berkilau-kilau. Tiada sesuatu pun, baik bangunan, pokok atau gunung-ganang yang dilalui oleh ekornya [sewaktu terbang bersama awan dengan ekornya terjantai itu] melainkan ia akan turun ke situ.

Adakalanya ia akan menyemburkan apinya lantak membakar banyak pokok kayu. [Akhirnya] awan telah

---

<sup>118</sup> Ar: (التنين) kata jamak daripada (التنين).

membawanya ke negeri Yakjuj dan Makjuj. Itulah sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas.

Segolongan yang lain berkata bahawa ianya adalah sejenis ular besar yang tinggal di darat lalu dihanyutkan banjir ke laut. Ia kemudian membesar dan hidup lama sehingga ada yang mencapai umur lima ratus (500) tahun.

Bangsa Parsi meyakini bahawa naga memiliki tujuh kepala. Mereka menamakannya Ajdahaq<sup>119</sup>.

Ini adalah antara khabar-khabar<sup>120</sup> yang diriwayatkan oleh kebanyakan Ahli Hadis<sup>121</sup>, iaitu bahawa sebuah kubah berada di tengah-tengah Laut Hijau. Ia terdiri di atas empat tiang daripada batu delima merah, hijau, kuning dan biru. Daripada setiap tiang penyangga itu mengalir sungai yang terbahagi kepada empat arah di laut itu. Sungai-sungai ini tidak bercampur-baur sehinggalah sampai ke pesisir. Empat sungai itu adalah Nil, Saihan<sup>122</sup>, Jailhan<sup>123</sup> dan Furat.

( 295 )

Antara khabar-khabar itu adalah seorang malaikat yang

---

<sup>119</sup> Ar: ( الأجدهاق ).

<sup>120</sup> Khabar di sini maksudnya hadis-hadis dan atsar. –pent.

<sup>121</sup> Di sini pengarang menggunakan lafaz ( حشوية أصحاب الحديث ). Kalimah *Hasywiyyah* ini jika dalam cabang pengajian Aqidah mempunyai maksud tersendiri. Ia juga bermaksud “Kebanyakan/majoriti” seperti yang saya terjemahkan di atas. Ini kerana kitab ini bukanlah berkait dengan Aqidah, serta kita tidaklah mahu menyelidik akidah pengarang apakah beliau seorang Muktzilah atau beliau cuma menyebut demikian berdasarkan penamaan yang beredar di kalangan masyarakatnya, maka itulah saya terjemahkan berdasarkan sudut bahasanya. *Wallahu a’lam*. –pent.

<sup>122</sup> Ar: ( سيحان ).

<sup>123</sup> Ar: ( جيحان ).

ditugaskan menjaga laut meletakkan sebelah tumitnya di hujung Laut China, lantas laut jadi melimpah. Itulah yang terjadinya air pasang. Kemudian malaikat itu mengangkat semula kakinya, maka air laut kembali menyusut ke tempatnya.

Sekalipun setiap yang kami telah sebutkan itu harus berlaku<sup>124</sup>, namun riwayat itu adalah melalui riwayat persendirian<sup>125</sup> dan bukannya riwayat *Mutawatir* yang mewajibkan ilmu dan amal. Apabila riwayat-riwayat tadi benar-benar sahih, maka wajiblah kita menerima dan patuh tanpa sanggahan lagi. Kami akan sebutkan nanti berkenaan binaan pintunya<sup>126</sup> insya Allah.

( 296 )

#### [KAWAH-KAWAH BERAPI]

Di laut ini iaitu selepas Bab dan Al-Abwab, terdapat suatu tempat bernama Baghah<sup>127</sup>. Tempat itu mengeluarkan minyak tanah<sup>128</sup> berwarna putih yang dijual di tempat-tempat lain. Di sana juga terdapat tempat yang bernyala-nyala dengan api<sup>129</sup>, iaitu berupa aliran api yang keluar dari tanah. Api tersebut dapat dilihat pada waktu malam daripada jarak yang jauh. Ia

---

<sup>124</sup> Ar: (ممكنا )

<sup>125</sup> Ar: (الأفراد). Yakni Hadis Ahaad. –pent.

<sup>126</sup> Yakni pintu laut. –pent.

<sup>127</sup> Ar: (باغية).

<sup>128</sup> Ar: (نفط).

<sup>129</sup> Dalam naskhah Arab dituliskan ( آطام ) yang merupakan kata jamak kepada ( أطم ) bermaksud tembok/benteng. Sepatutnya adalah ( أاطام ) iaitu kata jamak kepada ( أاطيمة ) bermaksud tempat yang terdapat api dinyalakan, sesuai dengan penjelasan setelah itu oleh pengarang apabila menyebutkan ( ). Wallahu a’lam. –pent.

seperti juga nyala api<sup>130</sup> Siqilyah<sup>131</sup>, api lembah Barhut<sup>132</sup> di negeri Shihir<sup>133</sup> dan Hadramaut, dan api Asyk<sup>134</sup> di antara negeri Faris dan Al-Ahwaz yang dapat dilihat pada malam hari sejauh jarak perjalanan empat puluh (40) farsakh.<sup>135</sup>

Kawasan nyala api terbesar adalah yang berada di dalam kerajaan Maharaja, iaitu raja Kepulauan Zabai<sup>136</sup>. Maharaja adalah gelaran bagi setiap raja Kepulauan itu.<sup>137</sup> Lidah nyala api ini sehingga mencecah awan tingginya dan kedengaran dari situ bunyi seolah-olah guruh berdentum dan kilat menyambar. Adakalanya akan kedengaran bunyi yang pelik lagi menyeramkan yang dapat didengar daripada negeri yang jauh. Bunyi pelik itu menandakan bakal berlaku kematian sebahagian raja-raja mereka. Kadangkala bunyinya agak perlahan yang bermakna kematian akan menimpa sebahagian para pembesar. Perkara itu diketahui oleh para penduduk berdasarkan petunjuk dan pengalaman semenjak zaman berzaman lagi.

(297)

#### [LIMA LAUTAN]

Laut yang lima ini, iaitu: Laut Terbesar yakni Laut Uqyanus,

---

<sup>130</sup> Ar: (أطمة) sepatutnya ditulis (أطيمة). Lihat penjelasan sebelum ini. –pent.

<sup>131</sup> Ar: (صقلية).

<sup>132</sup> Ar: (برهوت).

<sup>133</sup> Ar: (الشحر).

<sup>134</sup> Ar: (أشك).

<sup>135</sup> Jika kita perhatikan, tempat-tempat tersebut berkemungkinan kawasan-kawasan yang memiliki simpanan petroleum. Wallahu a'lam. –pent.

<sup>136</sup> Ar: (جزائر الزابج).

<sup>137</sup> Bukan maksudnya ramai raja yang semuanya bergelar Maharaja, tetapi setiap raja yang menggantikan Maharaja yang lama akan memakai gelar Maharaja. –pent.

Laut Habsyi, Laut Rom, Laut Khazar serta Laut Manitsy yang tergolong daripadanya cuma ia kecil sedikit; kesemuanya ini bersambung sesamanya melainkan Laut Habsyi. Kecuali Laut Khazar yang diperselisihkan sama ada bersambung dengan Laut Uqyanus atau tidak. Apa yang sah pada kami adalah ia tidak bersambung dengan mana-mana laut tadi. Katanya<sup>138</sup>: Sesungguhnya mereka menyangkan bahawa Teluk Qustantiniyyah yang berpunca daripada Manitsy turut bersambung dengan laut juga, sedangkan itu tidak benar.

( 298 )

### [LAUT PARSİ]

Sempadan Laut Parsi pada sebelah Timurnya adalah daripada kuala sungai Dijlah dan berakhir di sebuah pulau yang disebut Tiz Mukran, iaitu permulaan negeri Sind. Sempadan Laut Parsi pada sebelah Baratnya pula bermula daripada kuala sungai Dijlah sehingga berakhir di terusan/ Teluk Aden.

Bandar-bandar sebelah Timur yang berada di negeri Parsi adalah bandar Mukran dan Karman, manakala sebelah Barat yang merupakan tanah Arab pula adalah bandar Bahrain, Oman, Masqat, dan Suqutrah sehinggalah sampai ke Teluk Aden, iaitu penghujung Jazirah/Kepulauan Arab. Di sini [yakni Teluk Aden] terdapat satu laluan yang akan membawa ke laut Jeddah. Berhampiran Laut Parsi juga terletaknya pesisir [sungai] Furat yang terdapatnya butiran mutiara Qatari yang sangat bagus.

( 299 )

---

<sup>138</sup> Barangkali penulis memaksudkan Ibn Rastah. Wallahu a'lam. –pent.



## [LAUT HINDI]

Sempadan Laut Hindi pada arah Timur bermula daripada Pulau Tiz dan penghujung negeri China. Manakala sempadannya pada arah Barat pula daripada permulaan Teluk Aden sehingga negeri Zanj<sup>139</sup>. Sekiranya seseorang belayar bermula daripada Teluk Aden, maka tanah pertama yang akan ditemuinya adalah sebuah pulau yang disebut Barbar<sup>140</sup> yang didiami oleh satu puak bangsa Zanj [yakni berkulit hitam] yang mempunyai hubungan dengan negeri Sudan<sup>141</sup>.

Pada arah negeri Arab itu<sup>142</sup> terdapat negeri Zanj, Zabaj serta pelbagai umat lagi yang sangat ramai, kesemuanya mendapat hujan pada musim panas<sup>143</sup> melainkan bahagian tanah tinggi mereka yang terletak jauh daripada laut seperti negeri Tibet, Kabul dan lain-lain.

( 300 )

Tidak ada disebutkan kepada kita sempadan Utara mahupun Selatan kedua-dua buah laut ini<sup>144</sup> serta siapa orangnya yang mendiami di kedua-dua arah tersebut.

## [LALUAN KE LAUT HINDI]

Barangsiapa yang mahu ke negeri China atau Hind melalui Lautan Hindi, maka dia hendaklah membelok sedikit ke arah

---

<sup>139</sup> Ar: ( جزيرة الزنج ).

<sup>140</sup> Ar: ( بربر ).

<sup>141</sup> Ar: ( بلاد السودان ).

<sup>142</sup> Ini kerana pengarang bertempat di Andalus. –pent.

<sup>143</sup> Yakni pada musim panas di Andalus, negeri-negeri yang disebutkan itu tetap menerima hujan. Sememangnya begitu kerana negeri di kawasan kita ini hujannya boleh dikatakan sepanjang tahun. –pent.

<sup>144</sup> Laut Parsi dan Laut Hindi. –pent.

Timur lalu membuat sedikit pusingan sehingga sampai ke bahagian Baratnya [Lautan Hindi itu]. Ini kerana apabila mereka merentasi betul-betul di tengah-tengah lautan itu, mereka akan terperangkap di dalam kegelapan yang berterusan melainkan kurang daripada enam jam sahaja setiap hari yang akan terdapat cerah.<sup>145</sup>

( 301 )

### **[LAUT ROM]**

Adapun Laut Syam, iaitu Laut Rom, maka sesungguhnya tidak ada sebarang kapal yang dapat melayarinya bermula apabila matahari masuk laluannya kepada buruj Kala<sup>146</sup> sehinggalah laluannya sampai kepada buruj Ikan<sup>147</sup>. Tempoh tersebut adalah selama empat bulan. Ini kerana matahari akan menjauh, lalu akan berlaku angin ribut dan taufan yang membinasakan, khususnya pada arah Utara laut itu.

### **PENYEBAB PASANG SURUT AIR**

( 302 )

Adapun penyebab pasang surutnya air, maka terdapat pendapat yang berbeza-beza. Ada disebutkan bahawa penyebabnya adalah bulan, iaitu sebagaimana yang dinyatakan oleh Abu Ma'syar.

Kata segolongan yang lain: Penyebabnya adalah wap panas yang berpunca daripada perut bumi apabila ia terkumpul lalu

---

<sup>145</sup> Perkara ini mengingatkan saya kepada kisah yang diceritakan dalam 'Ajaibul Hind bagaimana sebuah kapal telah hanyut sehingga termasuk ke dalam kegelapan ini lalu sampai ke pulau yang aneh. –pent.

<sup>146</sup> Ar: (العقرب).

<sup>147</sup> Ar: (الحوث).

menolak air laut dan berterusan sedemikian sehinggalah kumpulan wap panas itu berkurangan. Dengan itu air pun menyurut masuk ke dasar laut, maka terjadilah air surut. Petanda kepada hal ini adalah berlakunya pasang surut itu setiap masa dan apabila menghilang dan munculnya bulan.

Kata golongan lainnya, ia kerana gelodak tabi'e laut itu, sama lah juga dengan gelodak sebahagian tabiat manusia yang kemudiannya akan kembali tenang.

Berkata yang lain: sesungguhnya udara yang bersentuhan sepanjang masa dengan laut itu sentiasa bertukar bentuk. Apabila ia bertukar menjadi air, maka bertambah banyaklah air laut itu. kemudian air laut akan membalas pula dengan bertukar kepada udara, maka paras air laut tadi kembali sediakala. Begitulah putarannya, air bertukar menjadi udara, udara bertukar kepada air.

Kata ahli Syariat: Segala keadaan yang tidak diketahui tabiat perjalanannya maka ia adalah perbuatan Tuhan yang tidak dapat dimasuki qiyas<sup>148</sup> serta tidak dapat dicerap oleh pancaindera.

( 303 )

Berkata ( س )<sup>149</sup>: Sebahagian nelayan Laut Parsi beranggapan bahawa pasang surut tidak berlaku melainkan cuma dua kali dalam setahun. Apabila musim panas, maka air akan pasang di bahagian Timur laut itu, iaitu di China serta negeri-negeri sekitarnya, manakala pada musim sejuk pula sebaliknya [yakni air akan pasang di bahagian Barat laut itu].

Kata ( س ) lagi: Aku telah melihat [satu kejadian] di bandar

---

<sup>148</sup> Yakni tidak tercapai dek akal kerana akal lemah untuk memikirkannya. -pent.

<sup>149</sup> Yakni Al-Mas'udi. -pent.

Kambayat<sup>150</sup>, di Tanah Hind<sup>151</sup>, iaitu dalam kerajaan Ballahara<sup>152</sup>. Bandar tersebut berada di sebuah teluk yang luasnya jauh lebih lebar berbanding sungai Nil. Air di teluk itu dalam keadaan surut sehingga menampakkan pasir-pasirnya sehingga kelihatanlah seakan sebuah padang sahara. Secara tiba-tiba air pasang, dan seekor anjing yang berada di situ kelihatan dapat merasai kedatangan air itu lantas berlari secepat mungkin. Namun air pasang dengan begitu pantas lalu menolak anjing tadi lantas menenggelamkannya.

Adapun penyebab yang tidak kelihatan pada mempengaruhi pasang surut laut-laut itu adalah berkait dengan peredaran bulan dan apabila ia berada dalam kedudukan jarak yang jauh daripada laut-laut itu.

Dan ada juga dikatakan bahawa biasanya fenomena pasang surut ini berlaku di tempat yang tanahnya berongga-rongga yang menyebabkan air dari laut berkenaan masuk lalu berpindah ke laut yang lain dan berlaku pula hembusan angin di tempat tersebut.

Nanti akan kami bentangkan perkhabaran mengenai laut-laut berkenaan serta nama-namanya bersama kerajaan-kerajaannya yang memadai untuk mengubati rasa ingin tahu, insya Allah Azza wa Jalla. Wallahu a'lam.

---

<sup>150</sup> Ar: ( كنباية ). Iaitu Cambay hari ini. -pent.

<sup>151</sup> Ar: ( أرض الهند ). Iaitu benua India. -pent.

<sup>152</sup> Nama raja seperti telah disebutkan sebelum ini. -pent.

*Berkenaan Al-Bahrul Muhit Dan Pelbagai Keajaibannya Serta  
Keajaiban Pelbagai Lautan Yang Telah Disebutkan  
Sebelum Ini Sama Ada Apa Yang Telah  
Kami Sebutkan Yang Dinukilkan  
Daripada Kitab ‘Ajaib  
Al-Buldan*

( 304 )

**[SINGGAHSANA IBLIS]**

Mereka [yakni para pelayar] meyakini bahawa di Laut Hijau<sup>153</sup> terletaknya singgahsana Iblis yang menyerupai dengan Arasy Al-Bari<sup>154</sup> Yang Maha Suci Kekuasaannya.<sup>155</sup> Di sekeliling singgahsananya itu terdapat iblis-iblis dan jin-jin ifrit yang besar-besar serta pelbagai jenis jin yang lainnya.

Ada di antara mereka itu merupakan para pengawal dan khadam yang tidak pernah berpisah dengannya. Ada juga yang bertugas menurut perintahnya bagi memperdaya dan menyesatkan manusia.

---

<sup>153</sup> Yakni Lautan Atlantik. Rupa-rupanya semenjak zaman berzaman lagi telah dipercayai bahawa kerajaan Iblis terletak di lautan ini yang sebahagian orang menetapkan lokasinya di Segitiga Bermuda. Wallahu a'lam. –pent.

<sup>154</sup> Ar: (الباري) Iaitu salah satu daripada Asma ul-Husna Allah.

<sup>155</sup> Penyerupaan di sini iaitu dari sudut Arasy Allah itu letaknya di atas air, maka Iblis pun turut membuat singgahsananya (dalam bahasa Arab disebut Arasy) di atas air. Wallahu a'lam. –pent.

### [PENJARA JIN DAN HAIKAL SULAIMAN]

Ia memiliki sebuah pulau yang dijadikan penjara kepada jin-jin yang mengingkari perintahnya. Di pulau tersebut terletak Haikal [Nabi] Sulaiman bin Daud alaihissolatu wassalam dan di situ juga terletak jasad baginda.<sup>156</sup> Haikal tersebut merupakan sebuah istana yang ajaib binaannya dengan halaman yang sangat luas.

Di lautan ini [yakni Laut Hijau] terdapat banyak pulau yang semenjak zaman berzaman sentiasa menghamburkan api setinggi seratus hasta bahkan lebih. Di laut ini juga terdapat sejenis ikan yang panjang badannya adalah beberapa hari perjalanan. Bentuk ikan itu pelbagai serta menggerunkan. Selain itu, di laut ini turut terdapat beberapa bandar yang terapung-apung di permukaan air, yang berpenghuni tetapi bukan dari kalangan manusia.

( 305 )

### [PATUNG BINAAN ABRAHAH DZUL MANAR]

Di samping itu, di laut ini juga terletak beberapa patung yang dibina oleh Abrahah Dzul Manar<sup>157</sup>. Patung-patung itu berdiri di dalam air. Salah satunya berwarna kuning, sedang menunjuk dengan tangannya seolah-olah mengarahkan pelayar yang belayar di situ agar berpatah balik. Sebuah patung lagi berwarna hijau sedang mengangkat kedua belah tangannya terbentang seolah-olah bertanya, "*Ke mana engkau mahu pergi?*"

Patung ketiga pula berwarna hitam sedang menunjukkan

---

<sup>156</sup> Di dalam Rihlatus Sirafi atau Ajaibul Hind ada disebutkan bahawa jasad Nabi Sulaiman terletak di salah sebuah pulau Andaman. Wallahu a'lam. -pent.

<sup>157</sup> Ar: (أبرهة ذو المنار).

telunjuknya ke arah laut bermaksud: “Barangsiapa melewati tempat ini akan karam.” Terdapat tulisan *Al-Musnad*<sup>158</sup> di dadanya berbunyi: “Inilah buatan Abrahah Dzul Manar Al-Himyari yang dipersembahkan untuk tuannya, matahari, sebagai mendekatkan diri kepadanya.”<sup>159</sup>

Kedalaman lautan ini berbeza-beza. Sesetengah tempat tidak diketahui kedalamannya bahkan tidak dapat dijejak ke dasarnya, dan ada tempatnya yang berkedalaman tujuh ribu (7000) depa atau lebih lagi.

( 306 )

### [LAUT HITAM YANG BUSUK]

Adapun Laut Hitam yang busuk<sup>160</sup>, iaitu bersambung dengannya [yakni bersambung dengan Lautan Hijau/Atlantik]. Laut ini teramat busuk, dan tidak terdapat di sana melainkan sebuah kubu<sup>161</sup> daripada perak. Dikatakan bahawa kubu itu merupakan binaan<sup>162</sup> dan sebahagian berkata ianya semulajadi<sup>163</sup>.

---

<sup>158</sup> Menurut Ibnul Manzur dalam *Lisanul Arab* (3/222): “*Al-Musnad*” adalah tulisan orang Himyar, yang berbeza dengan tulisan kita ini (tulisan Arab) yang digunakan dalam penulisan di zaman pemerintahan raja-raja mereka. Berkata Abu Hatim: Tulisan seperti itu masih lagi ada pada mereka sehingga kini di Yaman. Di dalam kisah Abdul Malik: ada sebuah batu dijumpai dengan tulisan “*Musnad*” padanya. Kata beliau, ia adalah tulisan kuno. Dikatakan: ia adalah tulisan orang Himyar. Berkata Abul Abbas: *Al-Musnad* adalah pertuturan anak beranak Syith [anak Nabi Adam]. –pent.

<sup>159</sup> Ini menunjukkan kaum Himyar itu adalah penyembah matahari. –pent.

<sup>160</sup> Ar: ( البحر الأسود الزفتي ). Iaitu Lautan Pasifik. –pent.

<sup>161</sup> Ar: ( قلعة ).

<sup>162</sup> Binaan makhluk sama ada jin ataupun manusia. –pent.

<sup>163</sup> Yakni mungkin ianya karang laut yang berwarna putih seperti perak.

Daripada laut ini keluarnya Laut China, dan bermulanya Laut Parsi, seperti yang telah disebutkan sebelum ini. Laut ini memiliki dua belas ribu (12,000) buah pulau serta terdapat air pusar<sup>164</sup> yang apabila mana-mana kapal terperangkap di situ akan berpusing-pusing tanpa henti sehinggalah binasa. Di laut ini juga terdapat Kusair dan Uwair yang telah disebutkan sebelum ini.<sup>165</sup>

Terdapat pelbagai haiwan yang pelik di laut ini, antaranya sejenis ikan yang panjangnya dua ratus (200) hasta lebih kurang. Ada juga pulau-pulau yang menumbuhkan emas, serta ada pula tempat-tempat selaman mutiara yang terbaik.

#### **[ISTANA HABLUR]**

Di laut ini juga terdapat sebuah istana daripada hablur kaca<sup>166</sup> yang tingginya menjulang di atas sebuah kubu kota. Di dalam menara itu terdapat api yang tidak pernah padam. Iskandar [Zulkarnain] pernah bercadang untuk tinggal di situ tetapi dihalang niat baginda itu oleh Bahram, sang failasuf Hind. Lalu beliau menerangkan bahawa barangsiapa yang tinggal di situ akan ditimpa penyakit jantung<sup>167</sup>.

Suatu kaum yang pendek dan berperangai jahat, memakai daun-daun kayu sebagai pakaian kemudian muncul lalu Iskandar pun bertanya kepada Bahram bagaimanakah puak itu begitu sabar sehingga dapat menghuni di situ. Maka jawab Bahram bahawa mereka memiliki sejenis pohon yang mana apabila mereka memakannya akan hilanglah penyakit jantung

---

Wallahu a'lam. –pent.

<sup>164</sup> Ar: (الدردور).

<sup>165</sup> Iaitu dua buah gunung di tengah-tengah laut. –pent.

<sup>166</sup> Ar: (بلور).

<sup>167</sup> Ar: (وقع بقلبه السبات). Yakni jantung akan berhenti berdegup. –pent.



### [PULAU WAQ WAQ]

Dalamnya laut ini tidak dapat dijejaki dasarnya dan tidak dapat dipastikan jurang-jurangnya. Kapal-kapal dapat belayar di atasnya dalam masa dua bulan apabila tiupan angin berkeadaan baik. Dan tiada mana-mana laut yang keluar daripada Al-Bahrul Muhit yang lebih besar berbanding laut ini [yakni Lautan Pasifik].

Di kawasan terluasnya terletak negeri Waq Waq<sup>169</sup>. Mereka itu [yakni Waq Waq] merupakan gadis-gadis yang terbit dari kandungan pokok-pokok.<sup>170</sup> Di pokok-pokok itulah mereka tergantung dengan rambut masing-masing. Mereka memiliki buah dada dan faraj seperti wanita biasa dengan bentuk badan yang sangat indah. Mereka tidak henti-henti berteriak dengan jeritan berbunyi “*Waq waq!*” Apabila dipotong [rambut mereka] daripada pokok yang membawa mereka itu, mereka akan hidup cuma beberapa hari sahaja sebelum akhirnya mati. Ada terjadi sebahagian manusia menikahi<sup>171</sup> gadis-gadis tersebut mendapati mereka sangat harum baunya serta sangat lazat ketika “bersama”.

Negeri Waq Waq ini tidak ditempati oleh sebarang

---

<sup>168</sup> Bagus sekali kalaulah dapat diketahui apakah pohon tersebut. Dapatlah digunakan sebagai ubat merawat penyakit jantung yang banya dihidap kini. –pent.

<sup>169</sup> Ar: (بلاد واق واق).

<sup>170</sup> Ar: (وهن جوار تحمل بها شجر) juga bermaksud pokok itu membawa mereka. –pent.

<sup>171</sup> Nikah juga dalam bahasa Arab bermaksud “bersama”, bukan nikah dengan maksud akad nikah itu. –pent.

manusia, cuma adakalanya sebahagian para pelayar terdampar ke sana tanpa sengaja. Dan ia merupakan tempat yang harum tanahnya dengan buah-buahan yang wangi serta lazat yang tidak dapat diperolehi di tempat lain.

(308)

### [PULAU DUYUNG]

Selepas mereka itu [yakni Waq Waq] terdapat pula sebuah pulau dengan suatu umat seperti wanita, berambut panjang mengurai dan ber“dada tinggi”. mereka disebut sebagai *Gadis Air*<sup>172</sup>. Mereka sering ketawa mengekek serta bercakap dengan percakapan yang tidak difahami.

Sesungguhnya ada sebahagian pelayar yang telah memperolehi anak lelaki hasil perkahwinan dengan salah seorang mereka itu. Perempuan itu diikat agar tidak melarikan diri. Setelah melahirkan anak, pelayar itu beranggapan yang perempuan berkenaan tidak akan melarikan diri lagi kerana kasih terhadap anak kecilnya, maka beliau pun melepaskan ikatan yang mengikatnya.

Lantas perempuan itu berjaya melarikan diri lalu terjun ke laut. Setelah beberapa hari, ia muncul semula dan mencampakkan untuk lelaki itu suatu cengkerang kepah yang di dalamnya terdapat sebutir mutiara yang bernilai tinggi. Kemudian dengan pantas pula ia menghilangkan diri kembali. Budak lelaki yang lahir daripada perempuan itu dikenali sebagai *Ibn Al-Bahriyyah*<sup>173</sup>.

---

<sup>172</sup> Ar: (بنات الماء). Yakni Duyung. –pent.

<sup>173</sup> Ar: (ابن البحرية). Anak perempuan laut/ anak duyung. Kisah ini ada diceritakan dalam kitab ‘Ajaibul Hind yang telah saya terjemahkan (Baytul Hikma, 2015). –pent.

### [IKAN TERBANG DAN PAUS]

Di laut yang disebutkan ini juga terdapat ikan-ikan terbang yang berterbangan ke daratan pada waktu malam untuk mencari makanan. Apabila matahari terbit, ia kembali semula ke laut. Selain itu, ada pula sejenis ikan berwarna hijau abu-abu yang mana jika seseorang memakannya ia tidak perlu lagi kepada makanan selama sehari-hari.

Ada juga sejenis ikan yang kadangkala tumbuh di atas belakangnya rumput rampai dan kepah kerang. Adakalanya sesetengah pelayar melabuhkan sauh ke atasnya dengan sangkaan ianya sebuah pulau. Apabila ia mengangkat salah satu sirip sisinya, ia seumpama sekeping layar yang teramat besar. Jika ia mengangkat kepalanya, ia seolah-olah sebuah gunung. Apabila ia menyemburkan air daripada mulutnya, ia seumpama satu bangunan tinggi.

Bilamana air laut tenang, ikan itu akan mengaut air menggunakan ekornya lalu membuka mulutnya sehingga air mencurah masuk ke dalam mulutnya seumpama air yang mencurah masuk ke dalam telaga. Ikan ini disebut *Al-Qaidur*<sup>174</sup>. Para kelasi sangat berhati-hati daripada terserempak dengan ikan ini, dan mereka akan membuat bising dengan tiupan serunai dan sebagainya sepanjang-panjang malam [bagi menghalaunya daripada mendekati kapal]. Ikan ini turut terdapat di Laut Harkand.

---

<sup>174</sup> Ar: (القيدور).

### [ULAR GERGASI DI LAUT HARKAND]

Di Laut Harkand terdapat ular-ular gergasi yang naik ke darat lalu menelan gajah dan membaham batu-batu besar yang terdapat di darat itu. Gajah dan batu yang ditelan tadi dihancurkan lumatkan di dalam perutnya sehingga mengeluarkan bunyi yang menggerunkan [ketika proses itu berjalan]. Ular ini jarang-jarang sekali memunculkan diri.

Adakalanya sebahagian raja – aku maksudkan Raja-raja Hind dan Zanj – yang menjerat dan memburu ular ini lalu memasak dan mengeluarkan minyaknya yang menambahkan kekuatan dan tenaga serta kehebatan mereka. Kulit ular itu pula dijadikan hampan. Ianya berkilat-kilat dan lebih lembut daripada sutera. Jika seseorang yang menghidap penyakit tibi<sup>175</sup> duduk di atas hampan itu, ia akan sembuh dan tidak akan dihinggapi penyakit itu buat selama-lamanya.

( 311 )

Kata beliau<sup>176</sup>: Laut ini kadangkala diselubungi awan selama tiga puluh hari tanpa kelihatan cahaya matahari serta simbahan hujan tanpa henti. Tiada sebarang haiwan pun yang akan muncul di waktu itu; kesemuanya lari bersembunyi di dasar laut.

### [LAUT SANFA]

Kata beliau lagi: Daripada laut ini, keluar ke Laut Sanfa<sup>177</sup> yang terletak dalam kepulauan Kerajaan Maharaja<sup>178</sup>. Di sana

---

<sup>175</sup> Ar: (السل).

<sup>176</sup> Yakni Al-Mas'udi. –pent.

<sup>177</sup> Ar: (بحر الصنف) yakni Laut Champa. –pent.

<sup>178</sup> Ini membuktikan kerajaan Maharaja meliputi sehingga ke Champa. –pent.

terdapatnya gaharu yang bernilai tinggi. Dan kepulauan itu tidak terhingga keajaibannya dan tidak dapat dijelajahi kesemuanya kerana terlampau banyak pulau-pulaunya. Di sanalah terdapatnya kesemua rempah-ratus yang wangi serta harum-haruman. Dikatakan bahawa di laut ini terdapat sebuah istana putih yang hanyut terapung yang mana para pelayar sentiasa mencari peluang agar dapat bertemunya. Ini kerana, jika ia dapat dilihat oleh mereka, maka bermakna pelayaran mereka akan selamat.

( 313 )

### **[PULAU DAJJAL DAN POHON CENGIH]**

Di laut ini<sup>179</sup> terletaknya pulau Qartayil<sup>180</sup> yang siang malam kedengaran daripadanya bunyi-bunyian alat muzik dan gendang. Dikatakan bahawa di situlah duduknya Dajjal, dan telah pun disebutkan sebelum ini.

Di pulau itu terdapat pokok cengkih yang dibeli oleh para pedagang daripada satu kaum yang mereka pun tidak pernah melihat kelibatnya. Kaum itu akan meletakkan timbunan cengkih di pantai lalu para pedagang akan mengambilnya seterusnya meletakkan barang tukaran.

Ada dikatakan bahawa sekumpulan pedagang telah meletakkan barangan di atas pantai lalu kembali ke kapal mereka. Pagi esoknya, mereka pun pergi ke pantai dan mendapati di sebelah setiap barangan itu terdapat setimbun cengkih. Sekiranya para pedagang itu bersetuju, mereka akan mengambil cengkih dan meninggalkan barangan itu di situ, jika

---

<sup>179</sup> Zahirnya merujuk kepada Laut Sanfa, namun mungkin juga pengarang memaksudkan Laut Hitam Busuk. Wallahu a'lam. -pent.

<sup>180</sup> Ar: ( قرتايل ) Dalam kitab lain disebut Bartayil. -pent.

sebaliknya mereka boleh mengambil kembali barangan mereka. Namun, seandainya mereka mengambil barangan dan cengkik itu sekali, kapal mereka tidak akan dapat belayar sehinggalah mereka mengembalikan cengkik itu semula. Adakalanya salah seorang daripada mereka [yakni pedagang] meminta lebih banyak, maka ditinggalkan barangan dan cengkik itu, lalu akan ditambahkan [cengkik] itu.

Pokok cengkik tumbuh di tepi sungai yang dikenali di sana sebagai *Sungai Cengkik*. Sesiapa pun tidak ada yang pernah ke sungai tersebut mahupun menceritakan pernah melihat bagaimanakah rupanya pokok cengkik itu. Sebahagian mereka menyebutkan bahawa yang menjulkannya kepada para pedagang itu adalah merupakan jin.

Ada sebahagian menceritakan yang dia pernah masuk ke pulau itu dan menyelidik, lalu ia melihat satu kaum yang berpakaian wanita, semuanya muda remaja tidak berjanggut dan memiliki rambut panjang mengurai. Mereka lari menghilangkan diri [apabila menyedari kehadirannya]. Kemudian kumpulan para pedagang itu menunggu buat beberapa waktu, dan keluar ke pantai namun tiada lagi didapati timbunan cengkik. Maka fahamlah mereka bahawa hal itu disebabkan kelakuan pedagang yang telah menyibuk perihal kaum itu. Setelah beberapa tahun berlalu baharulah urusan tukar barang dengan cengkik kembali berjalan seperti biasanya.<sup>181</sup>

Dikatakan bahawa cengkik yang masih segar manis rasanya. Kaum itu memakan cengkik segar dan kerana itulah

---

<sup>181</sup> Berdasarkan penceritaan ini, mungkinlah pulau dimaksudkan itu terletak di sekitar Maluku dan Sulawesi yang terkenal dengan cengkiknya. Wallahu a'lam. -pent.

mereka tidak jatuh sakit mahupun dimakan tua.<sup>182</sup>

(314)

Laut ini tidak diketahui sempadannya. Hulunya bermula daripada kegelapan di arah Utara dan melalui negeri Waq Waq.

Di laut ini – Laut Sanfa – ada sebuah pulau yang terdapat rumah-rumah yang jelas dan kubah-kubah berwarna putih. Setiap kali sesiapa berniat mendekatinya, ia akan menjauh. Begitulah yang sering berlaku sehinggalah orang itu berputus asa dan berpaling dari sana. Pulau itu disebut Pulau Sarif<sup>183</sup>

Mereka [yakni para pelaut] berpendapat ada orang, pokok kayu, rumah-rumah, binatang ternak di pulau itu. Namun tidak pernah diketahui ada orang yang pernah sampai ke situ. Di pulau itu terdapat kilat sabung menyabung. Terdapat bandar yang kecil berbatu putih menyilaukan mata dan terdengar bunyi teriakan serta hingar-bingar namun tidak kelihatan sesiapa pun. Pernah sebahagian nelayan singgah di situ mengambil air tawar, mereka mendapati airnya begitu manis dan berbau harum kafur.

Di tengah-tengah Laut Sanfa ini juga terdapat sebuah gunung yang beryala baik malam mahupun siang. Kedengaran dari situ bunyi seumpama guruh yang berdentum serta suara yang menyeramkan menjadi petanda kemangkatan raja mereka. Dan inipun telah disebutkan sebelum ini.

(315)

Setelah Laut Sanfa adalah Laut China<sup>184</sup>. Ia itulah suatu laut yang jelek dan sejuk. Bau dari dasarnya seumpama gelegak

---

<sup>182</sup> Ini mungkin salah satu khasiat cengkik yang belum diketahui ramai. – pent.

<sup>183</sup> Ar: ( جزيرة الصريف ) Pulau Berpaling. –pent.

<sup>184</sup> Ar: ( بحر الصين ).

air di atas batu berapi. Orang-orang yang dapat dipercayai serta pernah melayarinya memberitahu bahawa ianya merupakan laut yang berpenunggu. Penunggunya tinggal di dalam air dan para pelaut pernah melihat mereka ini apabila laut bergelora pada malam hari, rupa tubuh mereka seperti orang kulit hitam (Zanj). Mereka akan cuba memanjat naik ke atas kapal.

Di Laut China ini terdapat sejenis ikan seperti kapal perang yang dibawa oleh ombak ke pantai. Apabila air surut, ia tergodek-godek di pasir. Ia memiliki dua sayap yang membolehkannya terbang.<sup>185</sup>

Di laut ini juga terdapat Lakhim<sup>186</sup>, iaitu sejenis ikan yang menelan manusia. Adakalanya berlaku kematian di atas kapal, maka jenazah dilepaskan ke laut. Belum sempat jenazah mencecah air, ikan tersebut sudah pun bersedia membaham, seolah-olahnya ia memang sudah mengetahui keadaan itu. Di laut ini juga ada dilihat satu rupa makhluk yang besar menyerupai manusia yang tersangat besar. Mukanya bulat dengan warnanya seperti warna bulan. Ia duduk menyekat laluan di antara dua gunung.<sup>187</sup>

\* \* \*

\* \*

\*

ن

---

<sup>185</sup> Barangkali ikan layaran kerana disebutkan seperti kapal perang, yakni bermuncung tajam. Wallahu a'lam. –pent.

<sup>186</sup> Ar: ( اللخيم ).

<sup>187</sup> Hantu galah barangkali. –pent.



الحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات

*Selesai terjemahan sebahagian Al-Masalik wal Mamalik li Abi Ubaid  
Al-Bakri pada hari Jumaat, 23 November 2018 jam  
4.20 petang yang dimulakan pada Isnin, 15  
Oktober 2018 jam 11.15  
pagi.*

BAYTUL  
HIKMA



BAYTUL  
HIKMA

BAYTUL  
HIKMA





BAYTUL  
HİKMA